



1000168416

Sejarah Fakulti Sains Sosial

Fakulti Sains Sosial mula beroperasi dari Bilik 520, Bangunan Pentadbiran, Sekolah Latihan Telekom, di Samariang, Kuching, Sarawak pada 5hb Ogos 1993. Pada 2hb Oktober 1993, fakulti ini telah berpindah ke kampus sementara Unimas di Kota Samarahan. Fakulti Sains Sosial merupakan salah satu daripada dua fakulti yang mula menawarkan program-program pengajian prasiswazah apabila Unimas mula beroperasi pada sesi akademik 1993/94. Program-program akademik yang ditawarkan oleh fakulti terdiri daripada program Kajian Antarabangsa, Kajian Hubungan Industri dan Perburuhan, Kajian Khidmat Sosial, Kajian Komunikasi, Perancangan dan Pengurusan Pembangunan, dan Politik dan Pemerintahan. Setiap program pengajian ini bersifat gunaan supaya graduannya dilengkapkan dengan teori dan praktik bagi membolehkan mereka bersaing dalam pasaran buruh. Berbekalkan dengan 9 orang tenaga pengajar, seramai 78 orang pelajar telah diambil dan didaftarkan sebagai pelajar-pelajar kumpulan pertama pada 9-10hb Ogos 1993.

Pada sesi akademik 1994/95 fakulti telah mengambil seramai 78 orang pelajar kumpulan kedua. Disebabkan kemudahan-kemudahan infrastruktur pengajaran yang serba kekurangan di kampus sementara Unimas di Kota Samarahan, pengambilan pelajar terpaksa dikurangkan kepada 63 orang pada sesi akademik 1995/96 dan 56 pelajar pada sesi akademik 1996/97. Pada sesi akademik 1996/97 jumlah pelajar berdaftar telah mencapai 270 orang dengan jumlah tenaga pengajar seramai 17 orang.

Pada sesi akademik 1997/98 pula, seramai 70 orang pelajar telah mendaftar di fakulti. Dengan prasarana pembelajaran dan pengajaran yang mencukupi dan lebih selesa serta persekitaran yang kondusif, fakulti berkeyakinan dan berkemampuan menambah bilangan pelajar bagi sesi akademik 1998/99 kepada 191, iaitu melebihi dua kali ganda daripada ambilan-ambilan sebelum ini. Sejurus dengan pertambahan ini, fakulti telah mempunyai seramai 368 orang pelajar yang berdaftar sehingga akhir tahun 1998. Sehingga semester 2 sesi 2008/2009 seramai 618 pelajar telah mendaftar sebagai pelajar aktif.